

## **STPM Kertas 1 2018:**

### **Soalan 3**

- (a) Beri dua perbezaan antara liabiliti jangka panjang dengan liabiliti semasa, berserta dua contoh bagi setiap liabiliti itu. (4 markah)
- (b) Petikan bahagian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Gen Y Berhad pada 31 Disember 2015 adalah seperti yang berikut:

	<b>RM</b>
<b>Liabiliti jangka panjang</b>	
Debentur 8%	200,000
Bon antarabangsa 5%	50,000
Gadai janji	92,500
Sewa beli	154,500
<b>Liabiliti semasa</b>	
Akaun belum bayar	32,000
Overdraft	10,000

Maklumat berkaitan dengan liabiliti Syarikat Gen Y Berhad di atas adalah seperti yang berikut:

- (1) Debentur 8% terdiri daripada dua kontrak yang mempunyai tarikh matang yang berbeza, iaitu 40% daripada jumlah debentur akan matang pada 31 Mei 2017 dan selebihnya pula akan matang pada 30 Jun 2021.
- (2) Bon antarabangsa 5% akan matang pada 31 Mac 2017.
- (3) Semua faedah debentur dan bon bagi tahun 2016 dibayar pada tahun berikutnya.
- (4) Gadai janji, iaitu cagaran harta tanah RM100,000 kepada satu pinjaman jangka panjang selama 10 tahun yang diperoleh pada 1 Januari 2015. Pinjaman jangka panjang dikenakan faedah sebanyak 5% setahun. Pokok dan faedah dibayar secara sukuan, iaitu bermula pada 1 April 2015.
- (5) Sewa beli pada kadar 5% setahun bagi perolehan kenderaan dibuat bagi tempoh 9 tahun mulai 1 Julai 2015 dengan ansuran bulanan sebanyak RM2,175 termasuk belanja faedah sebanyak RM675. Ansuran mula dibayar pada awal bulan berikutnya.
- (6) Jumlah belian kredit sepanjang 2016 ialah RM85,000. Pulangan belian ialah RM3,000. Pembayaran sebanyak RM90,000 telah dibuat kepada pembekal setelah menerima diskaun sebanyak RM3,800.
- (7) Sepanjang tahun 2016, jumlah aliran wang masuk adalah sebanyak RM650,000 dan aliran wang keluar berjumlah RM300,000.

**Dikehendaki:**

Sediakan bahagian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Gen Y Berhad pada 31 Disember 2016. (9 markah)

- (c) Rindai Enterprise adalah sebuah kedai runcit yang beroperasi di bandar Kajang. Dua daripada urus niaga perniagaan Rindai Enterprise adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Urus niaga
1 Januari	Membeli inventori bernilai RM15,000 secara kredit daripada Bes Sdn. Bhd. melalui terbitan nota belum bayar pada kadar faedah sebanyak 8% setahun. Nota ini matang pada 15 Februari 2017.
1 Januari	Membeli sebuah peti sejuk berharga RM5,000 daripada Lim Sim Enterprise. Rindai Enterprise membayar sebanyak RM2,000, manakala selebihnya akan dibayar secara ansuran sama rata pada 31 Januari, 28 Februari, dan 31 Mac 2017. Lim Sim Enterprise mengenakan faedah sebanyak 10% setahun atas baki hutang.